

17 NOV 1998

APEC-BERITA-ASEAN

PARA PEMIMPIN ASEAN ADAKAN RUNDINGAN

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Asean yang berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) sedang mengadakan rundingan di kalangan mereka sendiri sebagai acara sampingan.

Mesyuarat itu bermula pada kira-kira pukul 11.15 pagi.

Hadir pada mesyuarat itu ialah para perdana menteri ekonomi Asean anggota Apec iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Malaysia), Goh Chok Tong (Singapura), Phan Van Khai (Vietnam), Chuan Leekpai (Thailand), Presiden B.J. Habibie (Indonesia), Presiden Joseph Estrada (Filipina) dan Sultan Hassanal Bolkiah (Brunei).

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan beberapa perbincangan dua hala dengan beberapa orang pemimpin termasuk Phan, Presiden Chile Eduardo Frei Ruiz Tagle, Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi dan Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley.

Selepas rundingan para pemimpin Asean itu, Dr Mahathir dijangka menemui Habibie dan Presiden China Jiang Zemin lewat hari ini.

-- BERNAMA

MAM FR WAT